



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA DAN PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KE-8 2021

PUTRAJAYA, 20 OKTOBER – YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) telah merasmikan Sambutan Hari Statistik Negara (HSN), dan Persidangan Statistik Malaysia (*MyStats*) 2021 di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Putrajaya pada hari ini.

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Abdul Rasheed Abdul Gaffaour, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Dr. Norhana Endut, Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia, Professor Dr. Ibrahim Mohamed, Presiden Institute Statistics Malaysia serta diikuti secara maya oleh pakar dan pengamal statistik, ahli akademik, para penyelidik dan pengguna di Facebook DOSM, <https://www.facebook.com/StatsMalaysia>.

Hari Statistik Negara (HSN) 2021

HSN telah diisytiharkan oleh Kerajaan dan disambut secara tahunan pada setiap 20 Oktober bermula tahun 2017. Ia merupakan kesinambungan kepada **Sambutan Hari Statistik Sedunia yang diisytiharkan pada 20 Oktober 2010** oleh **United Nations General Assembly (UNGA) ke-64 dan diraikan setiap lima tahun**. Sambutan HSN pada tahun ini merupakan sambutan bagi tahun kelima diadakan. Sejajar dengan perkembangan dunia di mana data memainkan peranan yang amat penting, tema pada tahun ini ialah, **'Connecting The World With Data We Can Trust'**.

Tujuan HSN ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan komuniti statistik berkaitan kepentingan statistik kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat yang memerlukan keputusan yang betul serta berasaskan bukti dan fakta yang menyeluruh dan mencukupi. Dengan ketersediaan statistik yang tepat, penyaluran sumber negara bagi perancangan dan pembangunan dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan dalam memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan.

Persidangan *MyStats*

Persidangan *MyStats* pula merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara bersama antara DOSM, Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia. Persidangan kali ke-8 yang diadakan pada hari ini bersempena dengan HSN

bertemakan '***Navigating Resilient Recovery Through Statistics***'. Persidangan Statistik Malaysia 2021 diadakan secara virtual yang melibatkan sebanyak 18 kertas pembentangan dan 23 poster. Anugerah The Best Young Statistician Presenter juga akan diberikan kepada 3 pembentang terbaik.

Persidangan ini diadakan untuk membincangkan analisis dan penemuan baharu serta bertukar pandangan dan idea antara perangkawan, penyelidik, pakar statistik dan pengguna data berkenaan dengan cabaran dalam penyusunan, penggunaan dan penyebaran statistik rasmi. Pada tahun ini, kursus pendek secara dalam talian juga telah diadakan pada 18 Oktober 2021.

HSN 2021 telah dirancang dan disusun dengan pelbagai aktiviti dan program di peringkat kebangsaan, negeri dan komuniti. Ini jelas memaparkan komitmen DOSM dengan kerjasama pelbagai pihak untuk membawa manfaat statistik merentasi segenap lapisan masyarakat. Di antara aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan adalah ***StatsExecutive Talk, StatsBuletin Parlimen dan DUN, StatsKuiz, Sesi Literasi Statistik dan StatsPrihatin.***

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 OKTOBER 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

NATIONAL STATISTICS DAY CELEBRATION AND THE 8TH MALAYSIA STATISTICS CONFERENCE 2021

PUTRAJAYA, 20 OCTOBER – YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Minister in the Prime Minister Department (Economy) has inaugurated the Celebration of National Statistics Day (MyStats Day) and Malaysia Statistics Conference 2021 at the Department of Statistics Malaysia (DOSM), Putrajaya, today.

The opening ceremony was also attended by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, Datuk Abdul Rasheed Abdul Gaffaour, Deputy Governor, Bank Negara Malaysia, Dr. Norhana Endut, Assistant Governor, Bank Negara Malaysia, Professor Dr. Ibrahim Mohamed, President of Institute Statistics Malaysia and followed virtually by statistical experts and practitioners, academics, researchers and users on DOSM's Facebook, <https://www.facebook.com/StatsMalaysia>.

National Statistics Day (MyStats Day)

MyStats Day has been declared by the Government of Malaysia and celebrated annually on every 20th October since 2017. It is a continuity of **World Statistics Day that was declared on 20th October 2010** by the **64th United Nations General Assembly (UNGA)** and celebrated every five years. This year's MyStats Day celebration is the fifth year it has been held. In line with the global development where data plays a very critical role, '**Connecting The World With Data We Can Trust**' has been chosen as the theme of the year.

MyStats Day aims to increase the awareness and understanding in the statistical community regarding the importance of statistics to the development and the well-being of the people who need correct decisions based on comprehensive and sufficient evidence and facts. With the availability of accurate statistics, the channeling of national resources for planning and development can be implemented efficiently and effectively in ensuring that no one is left behind.

MyStats Conference

The MyStats Conference is an annual event jointly organised between DOSM, Bank Negara Malaysia, and the Institute of Statistics Malaysia. The 8th conference was held today in conjunction with MyStats Day themed '**Navigating Resilient Recovery Through**

Statistics'. The Malaysia Statistics Conference 2021 was held virtually involving a total of 18 presentation papers and 23 posters. The Best Young Statistician Presenter Award will also be given to the three best presenters.

The conference was held to discuss new analysis and findings as well as to exchange views and ideas between statisticians, researchers, statistical experts, and data users with respect to the challenges in the compilation, use and dissemination of official statistics. This year, an online short course was also held on 18 October 2021.

HSN 2021 has been planned and structured with various activities and programs at the national, state and community levels. This clearly demonstrates DOSM's commitment to the cooperation of various parties to bring statistical benefits across all walks of life. Among the activities that have been and will be implemented are **StatsExecutive Talk, Parliamentary and DUN Stats Bulletin, StatsKuiz, Statistical Literacy Session and StatsPrihatin.**

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
20 OCTOBER 2021**